

Bangunan Sultan Abdul Samad warisan kebangsaan

um - 3/7/2007

KUALA LUMPUR 2 Julai - Bangunan Sultan Abdul Samad yang dibina pada 1897 adalah antara 50 khazanah negara yang akan diumumkan sebagai warisan kebangsaan sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan.

Perisytiharan tersebut termasuk stesen Keretapi Tanah Melayu yang siap dibina pada 1910 akan dilakukan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim di Bangunan Parlimen Jumaat ini.

Pesuruhjaya Warisan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Prof. Siti Zuraina Abdul Majid

berkata, pemilihan berdasarkan kepentingannya kepada sejarah negara selain seni bina dan peranan sesuatu khazanah itu pada zamannya.

"Sempena pengisytiharan itu, satu sistem daftar warisan kebangsaan yang merupakan pangkalan data pendaftaran mengandungi segala maklumat mengenai setiap warisan kebangsaan yang telah diwartakan, akan diperkenalkan," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas mengadakan taklimat menjelang pengisytiharan Warisan Kebangsaan di sini hari ini.

Siti Zuraina berkata, serentak de-

ngan perisytiharan itu, pameran mengenai pemuliharaan warisan akan diadakan.

Katanya, selain itu program Jejak Warisan akan diadakan disertai seramai 300 pelajar yang dipilih dari lapan sekolah dari kawasan pedalaman.

"Ia bagi membolehkan pelajar terbabit lebih peka dan menghargai tinggalan sejarah di sini dan yang ada di tempat mereka.

"Saya berharap masyarakat akan mempunyai lebih kesedaran dan peka terhadap warisan tinggalan negara melalui program yang diatur," katanya.